




KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

LHDNM MENAFIKAN MENGELUARKAN EMEL BAYARAN BALIK refunds15@hasil.gov.my

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menafikan mengeluarkan emel refunds15@hasil.gov.my yang mengkehendaki pembayar cukai mengisi maklumat tertentu sebagai prosedur untuk mendapatkan bayaran balik cukai pendapatan. Harap maklum bahawa bayaran balik cukai pendapatan hanya diproses berdasarkan maklumat pembayar cukai di dalam pangkalan data LHDNM sahaja. Imej emel palsu tersebut adalah seperti berikut:



[Submit Request](#)

Note: Mobile verification is a mandatory security exercise to protect you against tax refund fraud, kindly complete the same for your security.

You are advised to complete the request carefully to avoid any delay in the payment of your refunds as the same may be delayed if you:

- Fail to verify your mobile number **AND/OR**
- Submit inaccurate/incomplete account information.

•

Attention: If you have received this email in your spam folder, mark it as "Not spam" in order to complete request.

Emel berkenaan juga mengkehendaki pembayar cukai untuk memasukkan maklumat perbankan mereka dan turut akan dipautkan dengan paparan laman sesawang palsu perbankan pilihan mereka.

LHDNM menjangkakan emel palsu tersebut sedang berlegar di internet (dalam talian) dan menasihatkan semua pembayar cukai agar berhati-hati dan tidak memberikan respon terhadap sebarang arahan dalam emel tersebut.

Pembayar cukai boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan LHDNM di talian 1-800-88-5436 atau mana-mana cawangan LHDNM berhampiran untuk pengesahan dan maklumat lanjut. Nombor talian cawangan LHDNM boleh didapati di Portal Rasmi LHDNM www.hasil.gov.my.

Sebagai rekod, setakat pukul 3 petang, 28 April 2016 LHDNM menerima 17 panggilan daripada pembayar cukai untuk mengesahkan emel tersebut.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat & Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat |
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Tarikh : 28 April 2016